



Universiteit  
Leiden  
The Netherlands

## Malayic varieties of Kelantan and Terengganu: description and linguistic history

Wu, J.

### Citation

Wu, J. (2023, September 28). *Malayic varieties of Kelantan and Terengganu: description and linguistic history*. LOT dissertation series. LOT, Amsterdam. Retrieved from <https://hdl.handle.net/1887/3642470>

Version: Publisher's Version

License: [Licence agreement concerning inclusion of doctoral thesis in the Institutional Repository of the University of Leiden](#)

Downloaded from: <https://hdl.handle.net/1887/3642470>

**Note:** To cite this publication please use the final published version (if applicable).

---

## Ringkasan dalam Bahasa Melayu

---

Disertasi ini membentangkan deskripsi sinkronik dan analisis perkembangan sejarah dialek-dialek Melayu yang dituturkan di Kelantan dan Terengganu, dua negeri yang terletak di pantai timur laut Semenanjung Tanah Melayu. Secara khususnya, disertasi ini meneliti tiga dialek, iaitu Dialek Kelantan (KM), Dialek Terengganu Pesisir (CTM) dan Dialek Ulu Terengganu (ITM). Ketiga-tiga dialek ini tergolong dalam rumpun Malayik dalam keluarga bahasa Austronesia. Ketiga-tiga dialek tersebut juga dirujuk sebagai Dialek-dialek Malayik Semenanjung Timur Laut (NEPMs) secara kolektifnya dalam disertasi ini.

Bab 1 memberikan gambaran keseluruhan tentang bahasa-bahasa Malayik, serta maklumat latar belakang yang lebih terperinci tentang NEPMs dan maklumat geografi dan sejarah kawasan di mana dialek-dialek tersebut dituturkan. Bab 1 juga menerangkan metodologi dan kaedah pengumpulan data dalam kajian ini. Isi utama disertasi ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian Pertama terdiri daripada lima bab yang melakarkan tatabahasa deskriptif NEPM. Antaranya, Bab 2 hingga 4 masing-masing memfokuskan fonologi KM, CTM dan ITM. Bab 5 dan 6 menerangkan aspek-aspek morfosintaksis asas NEPM. Berdasarkan deskripsi dalam Bahagian Pertama, Bahagian Kedua menyelidiki perkembangan sejarah NEPM. Bab 7 dan 8 membandingkan NEPMs dengan bahasa purba yang sama, iaitu Proto Malayik, di samping masing-masing menghuraikan sejarah fonologi dan morfologi. Perubahan bunyi dan susunan kronologinya diwujudkan, dan faktor-faktor yang berpotensi menyumbang kepada pengurangan morfologi yang boleh diperhatikan dalam dialek-dialek tersebut juga dibincangkan. Sebagai bab

penutup, Bab 9 menggunakan data linguistik dan rekod sejarah untuk membuat penggulungan corak migrasi penutur NEPM.

Setiap dialek NEPM mempunyai sistem fonologi tersendiri sambil berkongsi banyak pola bunyi yang serupa, terutamanya dalam hal suku kata dan struktur perkataan, serta taburan konsonan. Keistimewaan utama terletak pada kehadiran konsonan panjang di awal perkataan, sama ada kata tunggal maupun kata terbitan. Ciri ini adalah luar biasa dari segi tipologi fonologi. Aspek morfosintaksis NEPM juga memaparkan persamaan yang ketara. Pada keseluruhananya, ketiga-tiga dialek tersebut mempunyai profil morfologi yang isolatif dan analitik. Evolusi diakronik NEPM ditandai dengan pengurangan fonologi dan morfologi yang ketara. Konsonan akhir kata sering mengalami penggabungan dan kehilangan. Di samping itu, hanya sejumlah kecil imbuhan awalan dikekalkan daripada Proto Malayik. Tambahan pula, awalan asal telah memberikan laluan kepada pemanjangan konsonan awal, satu operasi morfonologi yang berbagai fungsi. Walaupun beberapa kajian terdahulu telah mencadangkan bahawa pengurangan morfologi mungkin dipengaruhi oleh pertembungan dengan bahasa-bahasa lain, disertasi ini berpendapat bahawa faktor utama yang menyebabkan pengurangan morfologi ialah perubahan fonologi dalaman, dan tidak ada kesan jelas pengaruh substrat telah ditemui.

Kajian ini juga mengetengahkan persamaan antara KM dan CTM, dan keistimewaan ITM di antara tiga dialek NEPMs. Hal ini dimanifestasikan dalam pelbagai aspek tatabahasa, termasuk fonologi, morfologi dan struktur sintaksis tertentu. Perubahan bersama yang diperhatikan dalam sistem konsonan NEPM mestilah juga mengikuti perkembangan yang berbeza dalam sistem vokal. Disertani ini mencadangkan bahawa ITM mewakili satu dialek yang berasingan daripada KM dan CTM. NEPMs tidak membentuk sub-kumpulan diskret dalam rumpun bahasa Malayik, sesungguhnya terdapat persamaan. Berdasarkan taburan geografi dan pembezaan linguistik NEPM pada masa kini, disertasi ini menghipotesiskan corak migrasi dua gelombang: nenek moyang penutur ITM tiba lebih awal dan menetap di kawasan pedalaman di Terengganu, manakala penutur KM dan CTM tiba kemudian dan kebanyakannya tersebar di sepanjang kawasan pesisir pantai.